

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
[SIBUTI]**

SOALAN : 250

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan akan meneruskan subsidi bagi Perkhidmatan Udara Luar Bandar (RAS) dan apakah langkah baru Kerajaan bagi mengurangkan lagi kadar harga tiket penerbangan domestik dalam negeri Sarawak dan adakah RAS akan dibuka kepada syarikat penerbangan komersial yang lain bagi mewujudkan kompetitif dalam penyediaan perkhidmatan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkhidmatan Udara Luar Bandar (*Rural Air Services – RAS*) merupakan perkhidmatan udara yang tidak ekonomik yang dijalankan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak di mana pengangkutan udara merupakan mod pengangkutan utama yang menghubungkan penduduk di kawasan luar bandar dengan dunia luar. Bagi meneruskan hasrat Kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan penerbangan dan perhubungan (*connectivity*) di kawasan luar bandar Sabah dan Sarawak, subsidi yang diberikan oleh Kerajaan akan diteruskan. Bagi maksud tersebut, Kerajaan telah bersetuju supaya Perjanjian RAS di antara Kerajaan dan pihak MASwings yang merangkumi terma-terma dan syarat-syarat yang baru diteruskan untuk fasa seterusnya iaitu bagi tempoh 2019 hingga 2024.

Berhubung langkah baru bagi mengurangkan lagi kadar harga tiket penerbangan domestik dalam negeri Sarawak, berdasarkan kajian semula RAS yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (*Malaysian Aviation Commission-MAVCOM*) pada tahun 2017, mekanisma penetapan siling kadar tambang akan ditambahbaik dengan penetapan satu kadar tambang tanpa caj-caj lain yang dikenakan oleh operator seperti surcaj bahan api (*fuel surcharge*). Siling tersebut juga akan dikaji semula dengan lebih kerap dan ia ditetapkan berdasarkan persetujuan bersama di antara Kementerian Pengangkutan, MAVCOM dan operator mengikut keperluan semasa.

Bagi isu pembukaan laluan RAS kepada syarikat penerbangan komersial

yang lain pula, buat masa ini, daripada 49 laluan tersebut, 7 laluan RAS dibenarkan untuk dioperasi secara bersama di antara MASwings dengan Malaysia Airlines Berhad (MAB) dan AirAsia Berhad (AirAsia) seperti berikut:

- (i) Kota Kinabalu – Tawau vv;
- (ii) Kota Kinabalu – Sandakan vv;
- (iii) Kota Kinabalu – Miri vv;
- (iv) Kota Kinabalu – Labuan vv;
- (v) Kuching – Sibul vv;
- (vi) Kuching – Bintulu vv; dan
- (vii) Kuching – Miri vv.

Kerajaan juga sedang mengkaji dan mempertimbangkan pembukaan 2 lagi laluan RAS iaitu Kota Kinabalu – Sibul vv dan Kota Kinabalu – Bintulu vv kepada AirAsia berikutan terdapat permintaan dan minat daripada syarikat penerbangan komersial tersebut untuk beroperasi di 2 laluan ini.

Bagi laluan-laluan RAS yang lain, sekiranya kajian mendapati mana-mana laluan RAS tersebut mempunyai daya maju komersial (*commercial viability*), laluan tersebut akan dikelaskan semula sebagai laluan komersial dan terbuka kepada mana-mana syarikat penerbangan untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan bagi laluan tersebut.